



### 3,627 Pelajar Baharu UPM Lafaz Ikrar



Sebahagian pelajar baharu UPM melafazkan ikrar dengan penuh semangat pada Majlis Bacaan Ikrar Pelajar Baharu UPM Sesi 2009/2010 diketuai oleh Zulkhaili Zainal Abidin

**SERDANG, 30 Jun** – Seramai 3,627 pelajar baharu semester pertama Sesi 2009/2010 Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diketuai oleh Zulkhaili Zainal Abidin telah melafazkan Ikrar Pelajar Baharu di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata jumlah pelajar baharu tersebut diterima setakat 27 dan 28 Jun lalu dan mereka telah melepasi ujian saringan Influenza A H1N1 yang diadakan pada tempoh pendaftaran.

Dalam ucapannya sempena majlis ikrar tersebut, beliau juga berpesan kepada pelajar baharu supaya merebut pengalaman bukan sahaja dalam bentuk hard skills di dalam kuliah tetapi juga soft skills.

"Gabungan kedua-dua skill ini mampu melahirkan graduan yang berkualiti dan mempunyai daya saing yang tinggi serta mempunyai nilai employability dan marketability," katanya.

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha juga memuji Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM yang telah mengambil inisiatif menerajui program Satu Hati, Satu Inspirasi (SEHATI) bersama Majlis Perwakilan Pelajar institusi pengajian tinggi (IPTA) seluruh Malaysia yang julung kali diadakan sebagai menyahut seruan kerajaan menerapkan semangat Satu Malaysia.



Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berucap pada majlis Bersama Pemimpin Minggu Perkasa Putra

Sementara itu pada majlis berasingan 30 Jun lalu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin hadir pada majlis 'Bersama Pemimpin' sempena Minggu Perkasa Putra Pelajar Baharu yang diadakan dari 27 Jun hingga 5 Julai.

Beliau berkata daripada 60,000 permohonan pelajar yang diterima untuk kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), sebanyak 40,000 pelajar berjaya diterima masuk ke IPTA.

"Oleh kerana UPM mempunyai kekuatan dalam bidang agro-bio dan bio-teknologi, sumbangan UPM sangat penting dalam menyediakan penyelidikan sumber makanan negara," katanya yang berkesempatan mengunjungi tiga IPTA termasuk UPM sempena pendaftaran pelajar baharu.



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kiri) bertanyakan khabar kepada pelajar baharu OKU UPM, Nurbaatul Izzah Nordin (berkerusi roda)

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM